

IKLAN JAWATAN

PENGARAH

KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa **Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1.0 BUTIRAN JAWATAN

- | | | |
|-----|--------------------------------------|--|
| 1.1 | Jawatan | : Pengarah, Kampus Antarabangsa Labuan |
| 1.2 | Gred Jawatan | : Jusa C (VK7) |
| 1.3 | Tempoh lantikan | : Dua (2) tahun (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti) |
| 1.4 | Kelayakan | : Sekurang-kurangnya memegang jawatan Profesor Madya Gred DS54 dan ke atas dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) |
| 1.5 | Hierarki dalam Organisasi Universiti | : Melapor terus kepada Naib Canselor |

2.0 KRITERIA PEMILIHAN DAN SKOP TANGGUNGJAWAB

- | | | |
|-----|---------------------|---|
| 2.1 | Kriteria Pemilihan: | a) Kecemerlangan Akademik
Mempunyai kelayakan PhD, mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional. |
|-----|---------------------|---|

b) **Pengiktirafan Antarabangsa;**

Mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

c) **Personaliti;**

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama

d) **Proaktif;**

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.

e) **Reputasi;**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan proven track record serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

f) **Kemahiran Memimpin dan Mengurus;**

Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik.

g) **Perwatakan;**

Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.

h) **Pengurusan Konflik;**

Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.

i) **Potensi;**

Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

2.2 Skop
Tanggungjawab:

- a) Bertindak sebagai **Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai Pentadbiran** dan **Pegawai Akademik Utama Kampus** selaras dengan Subseksyen 13 (4) Perlembagaan UMS
- b) Mewakili Naib Canselor dalam memastikan pelaksanaan dasar sistem tadbir urus am dan kewangan, pengajaran dan pembelajaran, kebajikan pelajar, pembangunan staf, pembangunan/penyelenggaraan prasarana dan fasiliti, perkhidmatan perundingan dan khidmat masyarakat di Kampus Antarabangsa Labuan dapat dilaksanakan dengan cekap, berkualiti tinggi dan berkesan.
- c) Bertanggungjawab memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Kampus Antarabangsa Labuan adalah selaras dengan objektif penubuhannya serta sentiasa selari dengan visi dan misi UMS
- d) Meningkatkan keterlihatan UMSKAL sebagai sebuah kampus cawangan UMS bertaraf antarabangsa.
- e) Membuat penyelarasan dengan JFPIB UMS Induk yang berkaitan, mengenai polisi, perumusan dan pelaksanaan dasar Universiti.
- f) Menyampaikan perkembangan terkini dari pengurusan induk di Kota Kinabalu kepada staf/pelajar di UMSKAL melalui pekeliling, makluman dalam mesyuarat, surat dan hebahan melalui media elektronik
- g) Merangka dan melaksana pelan strategik selaras dengan Visi dan Misi Universiti khusus bagi kampus cawangan (UMSKAL).
- h) Bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor

3.0 CARA MEMOHON

3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) *Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini; dan*
- b) *Key Performance Indicator (KPI) serta ringkasan mengenai perancangan strategik sekiranya dilantik.*

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- a) **Encik Hasmi bin Hashim**
Pengarah
Pejabat Canselori
Universiti Malaysia Sabah
No. Tel : 200100 (ext) 013-8568987 (h/p)
Emel : hasmihjd@ums.edu.my
- b) **Puan Hasba Mohd Basri**
Penolong Pendaftar
Pejabat Canselori
Universiti Malaysia Sabah
No. Tel : 290481 (ext) 0107600310 (h/p)
Emel : hasba@ums.edu.my

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat atau email berikut:

Pejabat Canselori

Aras 5, Blok Selatan, Bangunan Canselori
Jalan UMS 88400
Kota Kinabalu, Sabah
Email: unit.pelantikan.canselori@ums.edu.my

3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu bual.

3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 28 Mac 2025 (Jumaat).**